



SUMBER :

ELEKTRONIK

ARKIB : 13/12/2012

214 premis diwartakan sebagai bangunan warisan

NUSAJAYA 12 Dis. - Sebanyak 214 bangunan dan tapak bersejarah dikenal pasti di seluruh negeri ini untuk diwartakan sebagai bangunan warisan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan negeri, Asiah Md. Arif berkata, antara bangunan yang tersenarai merangkumi istana, bangunan kerajaan, bangunan persendirian seperti rumah kedai, rumah tradisional, rumah ibadat, tapak makam dan rumah tradisi.

Beliau berkata, satu jawatankuasa telah ditubuhkan Yayasan Warisan Johor (YWJ) bagi melengkapkan semua maklumat terperinci berkaitan bangunan bersejarah berkenaan.

"Proses pengumpulan data ini merupakan langkah awal bagi mewujudkan sebuah pangkalan data yang dikenali sebagai 'Warisan Johor GIS' untuk mendaftarkan bangunan berkaitan supaya kekal terpelihara.

"Usaha itu mula dilakukan sejak awal tahun ini dengan kerjasama pelbagai jabatan serta agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya semasa menggulung perbahasan Bajet Johor 2013 dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kota Iskandar hari ini.

Bagi proses pewartaan, senarai monumen dan tapak bersejarah itu diteliti serta diperincikan merangkumi pelbagai aspek termasuk senibina, pemilikan monumen, lot tanah, keadaan fizikal serta latar belakang bangunan.

Mengikut rekod, katanya, hanya empat bangunan di negeri ini diwartakan sebagai bangunan warisan iaitu Istana Besar, Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru dan Kota Johor Lama (Kota Tinggi), selain Sekolah Tinggi Muar (Muar).

"Kerjasama daripada pemilik dan PBT juga diperlukan bagi memudahkan proses pewartaan dan mengelakkan kemusnahan bangunan berkenaan," katanya.

ARKIB : 25/02/2010

Menara Jam tarikan Dataran Bandaraya

"Oleh KHADIJAH IBRAHIM

editjohor@utusangroup.com.my

JOHOR BAHRU 24 Feb. - Selain menjadi lokasi beriadah, Dataran Bandaraya juga turut popular sebagai tapak peniaga makanan mencari rezeki pada waktu malam.

Dataran yang terletak berhadapan pantai Lido itu menjadi tumpuan orang ramai yang ingin mendapatkan makanan yang pelbagai aneka jenis.



Pada waktu malam, jalan bersebelahan dataran akan dipenuhi van para peniaga yang menyajikan makanan mereka dengan harga berpatutan.

Penyelia Bahagian Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Rashid Radiman memberitahu, lampu-lampu di sekitar dataran akan mula menyala pukul 6 petang hingga 6 pagi.

Untuk kemudahan orang ramai yang berkunjung ke dataran berkenaan, pihak MBJB menyediakan tiga buah tandas awam, namun hanya satu dibuka pada waktu malam.

"Tandas awam akan dibuka kepada orang ramai jika ada sambutan di dataran, pada hari lain kita tutup. Kemudahan lain yang disediakan di sini adalah surau untuk kemudahan pengunjung," katanya.

Selain itu, gabungan pembinaan menara jam, air pancut, hamparan dan padang hijau yang luas menjadikan Dataran Bandaraya lokasi strategik untuk pelbagai aktiviti seperti persembahan hiburan, sukan dan permainan serta ekspo.

Konsep dan reka bentuk dataran itu dihasilkan oleh arkitek tempatan yang menggabungkan seni bina Islam serta warisan bangunan bersejarah yang terdapat di bandar raya ini iaitu Bangunan Sultan Ibrahim dan Majlis Abu Bakar.

ARKIB : 11/05/2005

89 bangunan diisytihar monumen lama - Rais

KUALA LUMPUR 10 Mei - Sebanyak 89 bangunan telah diisytiharkan sebagai monumen lama di bawah Akta Bendapurba 1976 dengan jumlah yang paling besar terletak di Wilayah Persekutuan iaitu 52 buah, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Jumlah itu diikuti oleh Melaka (13), Selangor (tujuh), Pulau Pinang (tujuh), Negeri Sembilan (lima), Kelantan (tiga) dan Johor (dua).

Katanya, monumen terbahagi kepada tiga kategori iaitu bangunan, binaan atau sebahagian daripada struktur dan landskapnya, tapak tanah bersejarah dan alam semula jadi.

``Sebanyak 180 monumen telah diwartakan sebagai monumen lama dan tapak bersejarah," katanya menjawab soalan asal **Senator Fatanah Ahmad** mengenai bangunan yang mendapat status warisan pada Persidangan Dewan Negara di sini, hari ini.

ARKIB : 08/04/2003

Johor banyak produk pelancongan

Oleh Wan Hasnan Hasan

SEKTOR pelancongan merupakan salah satu industri penting untuk menjana ekonomi sesebuah negeri.

Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman telah melancarkan program Melawat Johor Tahun 2003 (MJT 2003) bagi merangsang kemasukan pelancong ke negeri itu.

Johor sememangnya terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai produk pelancongan yang menarik dan sentiasa mendapat tempat di hati para pengunjung.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Dr. Chua Soi Lek memberitahu, sepanjang tahun lalu sahaja, sebanyak 12 pintu masuk ke negara ini melalui Johor mencatatkan kemasukan pelancong seramai 19 juta orang.

Malah sebanyak 60 peratus jumlah pelancong yang masuk ke negara ini adalah melalui Johor.

Walaupun tidak semua pelancong terbabit mengunjungi Johor namun jumlah mereka yang berehat atau bercuti ke negeri ini bukanlah satu angka yang kecil.

Johor sememangnya mempunyai pelbagai produk pelancongan yang menarik dan ia meliputi puluhan pulau-pulau yang indah seperti Pulau Sibu, Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Aur.

Bagi mereka yang gemarkan aktiviti menyelam scuba, Johor mungkin pilihan yang tepat kerana ia boleh dilakukan di hampir semua pulau berkenaan.

Negeri ini juga menyediakan terlalu banyak tempat kepada mereka yang gemarkan aktiviti memancing sama ada di kawasan pesisir pantai, di pulau atau di tengah laut.

Bagi mereka yang gemarkan keindahan alam semulajadi pula boleh memilih untuk menikmati keindahan flora dan fauna di Taman Negara Endau-Rompin atau di Gunung Ledang.

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di sini seperti mengenal spesies pelbagai tumbuhan yang mungkin tidak terdapat di tempat lain serta keseronokan menyusuri Sungai Endau dengan bot kecil.

Selain itu, mereka yang ingin melihat tanah yang berada di kawasan paling selatan di benua Asia boleh berkunjung ke Tanjung Piai.

Di kawasan tersebut, pengunjung juga berpeluang untuk menyaksikan keindahan Taman Negara Tanjung Piai yang kaya hutan kayu bakau semulajadi serta keunikan kunang-kunang pada waktu malam.

Menikmati keindahan pantai yang memutih pula boleh dilakukan di Desaru yang sememangnya menjadi tempat tumpuan para pelancong tempatan dan asing khususnya di kalangan warga Singapura.

Di sini, terdapat pelbagai kemudahan yang tersedia seperti hotel, resort serta taman tema yang tersedia menanti para pengunjung.

Mereka yang gemarkan aktiviti membeli-belah pula tidak seharusnya merasa bimbang apabila berada di Johor kerana terdapat banyak pilihan pusat membeli-belah pelbagai barangan yang dihajati.

Malah, beberapa bandar di negeri ini terkenal dengan produk atau barangan jualan masing-masing seperti pelbagai barangan tembikar boleh didapati di Ayer Hitam dan produk tekstil di Tangkak.

Johor juga mempunyai banyak bangunan-bersejarah yang unik dan menarik seperti Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan serta Masjid Sultan Abu Bakar yang tersergam indah menanti kunjungan pengunjung.

Selain itu, negeri Johor juga kaya dengan pelbagai seni kebudayaan yang tak lekang dek zaman seperti tarian zapin, ghazal serta persembahan kuda kepang.

Yang paling menarik para pengunjung ke negeri ini turut berpeluang menikmati pelbagai hidangan yang enak yang pasti memenuhi selera semua.

Antara hidangan popular ialah nasi briyani di Batu Pahat selain yang terdapat tempat-tempat lain di negeri ini.

Masakan asam pedas juga tidak ketinggalan menjadi salah satu hidangan utama di negeri ini selain mi rebus serta laksa Johor.

Namun, hidangan otak-otak Johor tidak harus dilupakan kerana keenakan hidangan itu pasti membuat pengunjung akan terus terkenangkan Johor.

Secara keseluruhannya, negeri Johor memang sentiasa menanti kunjungan para para pelancong sama ada dari dalam atau luar negara dan kedatangan mereka ke negeri ini pasti meninggalkan pelbagai kenangan manis yang mungkin tidak terdapat di tempat lain.

ARKIB : 27/02/2009

Seiras masjid lama di Mesir

Oleh SAHBULAH DARWI

utusanjohor@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 26 Feb. - Berkunjung ke Johor Bahru boleh dianggap tidak lengkap sekiranya tidak melawat Masjid Sultan Abu Bakar yang berusia 116 tahun dan mempunyai tarikan dari pelbagai aspek termasuk seni binanya.

Selain menjadi pilihan umat Islam di sekitar bandar raya ini untuk beribadat terutama menunaikan solat berjemaah lima waktu, masjid yang suasananya nyaman, sejuk, damai dan menenangkan fikiran itu turut menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara.

Para jemaah terdiri daripada penduduk berdekatan, pekerja-pekerja sekitar pusat bandar Johor Bahru, kakitangan kerajaan, pelajar Maahad Johor dan Kolej Islam Johor (Marsah).

Selain itu, pada waktu-waktu tertentu khususnya pada Sabtu dan Ahad, masjid itu turut dikunjungi para pelancong yang kadang kala bilangannya hingga memenuhi 25 buah bas sehari.

Tarikan paling ketara, masjid berstatus Masjid Negeri ini adalah dari sudut sejarah, keselesaan ruang dalaman, keindahan pemandangan, pelbagai kemudahan dan keindahan seni bina kesenian Islam, reka bentuk ala Moorish yang boleh disifatkan sebagai sesuatu yang cukup istimewa.

Tidak dinafikan, masjid yang merupakan antara tertua di Malaysia itu, sememangnya mempunyai banyak keistimewaan dan menyimpan pelbagai sejarah tersendiri sejak dibina pada zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar pada 1893 atau 1311 Hijrah.

Ia kemudiannya siap sepenuhnya lapan tahun kemudian di Bukit Kechil berdepan Selat Tebrau dengan kos pembinaan RM400,000 pada waktu itu.



MASJID Sultan Abu Bakar, Johor Bahru gagah menjadi nadi dan jantung kepada masyarakat setempat dan berjasa kepada negeri dan negara. - Gambar NASIRRUDDIN YAZID

Pertama kali ia digunakan ialah pada Hari Raya Aidilfitri, 1 Syawal 1317 Hijrah atau 1900 dengan dirasmikan oleh Sultan Ibrahim Sultan Abu Bakar.

Sewaktu perasmian, sebanyak 16 das tembakan meriam berkumandang dan antara yang hadir ialah Menteri Besar Johor yang pertama, Datuk Jaafar Mohamad, jurutera masjid, Datuk Yahya Awaluddin dan pelukis seni bentuk iaitu Tuan Haji Batuwif Mohamed.

Imam Besar Johor, Mutalib Abdul Rahim berkata, disebabkan keunikan seni bina pada empat menaranya maka tidak hairan terdapat sesetengah pihak yang mengaitkannya dengan seni bina China namun sebenarnya, seni bina masjid itu adalah daripada reka bentuk Moorish.

Menurutnya, reka bentuk berkenaan adalah seiras dengan kebanyakan masjid lama di Mesir.

Antaranya, Masjid Ibn Touloun yang dibina pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah manakala bentuk asal menara-menara Masjid Sultan Abu Bakar adalah mengikut bentuk bangunan yang ada pada zaman kerajaan Mamluk awal (1250-1350) dicampur dengan bentuk binaan pada zaman Mamluk akhir (1400 - 1517).

Ruang solat yang luas dan selesa, mampu menampung 3,000 jemaah pada satu-satu masa dengan tiang seri, kaki lima dan anak tangga yang turut menyaksikan hasil seni yang tinggi.

"Batu marmar asal masjid dibawa khas dari Itali manakala mimbar dari Turki dan tempat bara masjid adalah dari China," kata Mutalib ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, keunikannya dan ditambah pula dengan hubungannya yang rapat dengan Istana Johor menjadikan ia cukup istimewa dan dikunjungi pelancong dan masyarakat tempatan.

Masjid itu dimakmurkan dengan pelbagai aktiviti untuk diikuti masyarakat Islam setiap hari termasuk majlis ilmu dan kuliah maghrib serta zohor setiap hari oleh para penceramah berkaliber.

Selain itu, pada Sabtu dan Ahad, diadakan kursus praperkahwinan, kaunseling pasangan suami isteri dan pada hari tertentu dianjurkan majlis akad nikah, kenduri kahwin, akikah dan korban.

"Selain pelbagai program ceramah, kelas pengajian qiraat dan tajwid al-Quran diadakan setiap Isnin hingga Rabu mulai pukul 8 hingga 11 pagi oleh Ustaz Kamarul al-Hafiz, Ustaz Bachok Tumpak dan Ustaz Tuan Haji Mohd. Zin Abdul," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan Jabatan Tindakan Pelancongan Negeri Johor bagi melaksanakan pakej pelancongan ibadah, program sakinah dan kenduri untuk para pelancong.

Kunjungan para pelancong biasanya dicatatkan paling ramai pada Sabtu dan Ahad dengan kebanyakan mereka adalah dari Jepun, Korea, Filipina, Indonesia dan Eropah.

Mutalib berkata, selain dewan solat, kemudahan lain yang disediakan di masjid berkenaan adalah pejabat, bilik kursus dan ceramah, bilik kaunseling, balai Islam, peralatan memasak dan perkhidmatan katering bagi majlis kenduri dan keramaian.

Justeru, katanya, orang ramai dipelawa untuk mengikuti aktiviti di masjid berkenaan dan bagi urusan tempatan katering, boleh menghubungi petugas, Nor Jeffri ditalian 07-2241277 atau 07-2230419.

Justeru, dengan peranan besar yang dimainkan, ternyata Masjid Sultan Abu Bakar terus gagah menjadi nadi dan jantung kepada masyarakat setempat dan berjasa kepada negeri dan negara.

ARKIB : 17/07/2009

12 destinasi dipilih jadi ikon pelancongan Johor

17/07/2009 6:18pm

JOHOR BAHRU 17 Julai - Kerajaan negeri Johor memilih 12 destinasi menarik dalam negeri untuk dijadikan sebagai ikon pelancongan negeri, kata Pengerusi Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Johor, Hoo Seong Chang.

Beliau berkata, pemilihan destinasi ini adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti nilai sejarah serta keunikannya.

Destinasi itu terdiri daripada Bangunan Sultan Ibrahim, Muzium Diraja Johor, Nusajaya, Tanjung Piai, Pulau Rawa, Pulau Sibu, Danga Bay, Taman Negara Endau Rompin, Gunung Ledang, Desaru, Kukup dan Kluang. - Bernama

ARKIB : 19/07/2009

Ikon pelancongan

JOHOR BAHRU 18 Julai - Bangunan Sultan Ibrahim dan Kota Iskandar adalah dua daripada 12 monumen yang dipilih kerajaan negeri untuk dijadikan ikon pelancongan di Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Perdagangan Dalam Negeri, Hoo Seong Chang berkata, kedua-dua monumen itu dipilih kerana ia memiliki nilai kesenian dan daya tarikan tersendiri untuk dijadikan ikon.

Beliau berkata, setiap ikon yang dipilih itu telah dibawa ke mesyuarat Exco untuk diputuskan dan ia dipilih berdasarkan beberapa kriteria seperti nilai sejarah serta keunikannya.

"Pemilihan ikon itu dibuat selepas mengambil kira nilai sejarah dan kesesuaiannya sebagai mercu tanda pelancongan di negeri ini. Perkara ini kepada Kementerian Pelancongan untuk mendapatkan pengiktirafan," katanya di sini semalam.

Ikon pelancongan Johor yang lain ialah, Muzium Diraja Johor, Tanjung Piai, Pulau Rawa, Pulau Sibul, Danga Bay, Taman Negara Endau Rompin, Gunung Ledang, Desaru, Kukup dan Kluang.

Seong Chang berkata, pemilihan kesemua ikon itu bukan suatu perkara yang mudah kerana pihaknya harus mengadakan lawatan dan kajian di setiap daerah bagi memastikan ikon yang dipilih itu mampu menarik lebih ramai pelancong ke sini.

Beliau memberitahu, pemilihan Pulau Rawa dan Pulau Sibul sebagai ikon tidak membawa maksud pulau-pulau lain akan dipinggirkan sebaliknya tetap akan diberikan perhatian yang sama.

"Pemilihan kedua-dua pulau itu merupakan sebahagian daripada strategi untuk menarik pelancong ke negeri ini.

"Saya yakin selepas mereka datang ke kedua-dua pulau itu dengan sendirinya mereka akan berminat untuk menerokai pulau-pulau lain yang ada di sekitarnya," katanya.

ARKIB : 21/08/2009

Mohd. Amzar juara lukis monumen warisan sejarah Johor

JOHOR BAHRU 20 Ogos - Penyertaan saat-saat akhir membawa tuah kepada pelajar tingkatan tiga, Mohd. Amzar Mohamed, 15, yang muncul juara kategori menengah rendah pada Pertandingan Melukis Monumen Warisan Sejarah Johor di sini baru-baru ini.

Mohd. Amzar dari Subang Jaya, Selangor berkata, dia tidak menyangka lukisan yang disiapkan dalam tempoh hanya dua hari sebelum tarikh tutup pada Julai lalu itu berjaya menewaskan 70 peserta lain.

"Disebabkan sibuk urusan lain termasuk mengulang kaji bagi persiapan Penilaian Menengah Rendah (PMR), saya terpaksa siapkan lukisan ini saat-saat akhir," katanya.

Pelajar Sekolah Seni Johor Bahru itu ditemui selepas Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah pertandingan berkenaan di Galeri Seni Johor di sini hari ini.

Hadiah disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan negeri, Asiah Md. Ariff.

Turut hadir Pengarah Yayasan Warisan Johor (YWJ), Jama Johan.

Mohd. Amzar berkata, dia menyiapkan lukisan ekspresi monumen bangunan pentadbiran Johor itu pada waktu petang dan malam kerana ia paling sesuai untuk berkarya.

Lukisan menggunakan cat air itu seterusnya membolehkan anak keenam daripada lapan beradik itu membawa pulang wang tunai RM700.

"Saya terharu kerana tak sangka akan menang. Lepas habis PMR ini, saya bercadang masuk lebih banyak pertandingan," kata pelukis kidal itu yang meminati lukisan potret.

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Engku Tun Aminah, Tai Wan Ying, 17, muncul juara kategori menengah atas untuk membawa pulang wang tunai RM1,000.

Wan Ying dari Kampung Melayu Majidee berkata, ia adalah kejayaan keduanya selepas menjadi juara kategori dan pertandingan yang sama tahun lalu.

"Tahun lalu saya hasilkan lukisan air terjun, tetapi kali ini lebih formal dan mencabar kerana melukis Bangunan Sultan Ibrahim," kata anak kedua daripada tiga beradik itu.

Dia mengambil masa dua minggu menyiapkan lukisan tersebut menggunakan cat air di rumahnya.

"Saya sangat gembira kerana tidak menyangka menang sekali lagi walaupun lebih gemar melukis alam sekitar seperti air terjun," katanya yang mula belajar melukis sejak berusia lapan tahun.

Sumber : <http://www.utusan.com.my>
Tarikh Akses : 21 Mac 2013

Headline: Pulihara warisan Johor
Publication: HM
Date of publication: Dec 14, 2012
Section heading: Metro Plus
Page number: 001
Byline / Author: Oleh Mahaizura Abd Malik

JOHOR BAHRU: Sebanyak 250 bangunan warisan sejarah di bandar raya ini akan dipulihara manakala 19 projek terbengkalai bakal dibangunkan semula secara berperingkat-peringkat menerusi 'Pelan Induk Transformasi JB', tidak lama lagi.

Pelan induk itu dilakukan bagi merealisasikan bandar raya Johor Bahru sebagai sebuah bandar bertaraf dunia, tidak lama lagi.

Mengikut pelan induk itu, bangunan lama seperti bangunan Sultan Ibrahim akan direka semula menjadi pusat budaya dan seni, selain perubahan Jalan Wong Ah Fook kepada landskap pejalan kaki.

Berikutan itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Johor, bertanggungjawab melaksanakan Pelan Induk Transformasi JB yang bakal melengkapkan bandar raya ini.

Datuk Bandar Johor Bahru, Burhan Amin berkata, program itu akan memberi tumpuan menaik taraf Sungai Segget, peningkatan akses jalur lebar, penyediaan kemudahan awam asas seperti laluan pejalan kaki berbumbung bersambung lampu jalan, tumbuhan hijau serta ruang rehat.

Beliau berkata MBJB akan bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi lain bagi membangunkan semula bandar raya ini.

Menurutnya, Program Pelan Induk Transformasi JB itu membabitkan kawasan seluas 485.62 hektar termasuk Johor Bahru sebagai Pusat Perniagaan Utama; Bukit Timbalan; bekas tapak rumah pangsa Lumba Kuda; Kastam Bukit Chagar.

Selain itu, katanya, kawasan yang terbabit ialah Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Lori Tanjung Puteri; kawasan sekitar Zoo Johor; penjara Jalan Ayer Molek dan Hospital Sultanah Aminah.

"Dua jenis projek yang layak diberi insentif ialah bangunan dan projek terbengkalai serta terbiar.

"Kami sudah mengenal pasti 19 projek memerlukan campur tangan pihak ketiga dan setakat ini, empat daripadanya diambil pemaju.

"Bagi bangunan terbengkalai dan terbiar pula, insentif termasuk penangguhan cukai harta selama dua tahun dan selepas tahun kedua, penangguhan pembayaran termasuk cukai harta boleh dibayar secara ansuran bagi tempoh 12 bulan," katanya.

Menurutnya, insentif bangunan warisan adalah termasuk mempercepatkan kelulusan permohonan Ubahan Tambahan daripada 21 hari kepada 16 hari.

"Kami berharap insentif ini boleh menarik minat pemaju mengambil semula projek terbengkalai, terbiar dan pemulihan bangunan warisan.

"Kami berjanji akan membantu dan memudahkan proses kelulusan bagi meneruskan projek," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Irda, Datuk Ismail Ibrahim berkata, projek itu bukan saja sejajar dengan pelan pembangunan wilayah Iskandar Malaysia, malah selaras Bajet 2013 diumumkan baru-baru ini.

"Pengumuman Bajet baru-baru ini adalah pada kebangkitan semula projek pembangunan perumahan dan ini dilengkapi dengan pengumuman MBBJ mengenai insentif untuk hartanah komersil di bandar.

"Kami gembira dengan inisiatif ini dan menggesa semua pihak berkuasa tempatan lain di Iskandar Malaysia untuk menjadikan ini sebagai model dan contoh dalam dasar dan prosedur mereka," katanya.

Headline: Bangunan bersejarah destinasi pengunjung
Publication: HM
Date of publication: Nov 1, 2007
Section heading: Variasi
Page number: 08
Byline / Author: Oleh Syah Rul Aswari Abdullah

RAMAI yang menggeleng kepala apabila diajukan soalan bagaimana menghabiskan percutian di Johor Bahru. Hakikatnya, bandar raya paling selatan ini menjanjikan seribu satu tarikan yang jarang diterokai.

Kesempatan mengikuti rombongan media anjuran majalah pelancongan, Gaya Travel Nusantara (GTN), baru-baru ini, membuka mata penulis mengenai keunikan negeri paling selatan ini.

Berbanding negeri lain, kebanyakan lokasi menarik terletak dalam lingkungan kurang sejam perjalanan dari ibu negeri Johor itu.

Untuk mereka yang kali pertama ke sini, mulakan kembara di tengah kota dengan mengunjungi Istana Besar dan Muzium Diraja Sultan Abu Bakar.

Bangunan berdepan dengan perairan ini pernah menjadi tempat bersemayam Sultan Johor sebelum pembinaan Istana Bukit Serene.

Ia menempatkan muzium yang menyimpan sejarah perjuangan orang Melayu menentang kuasa penjajah.

Asalnya, istana yang dibina pada 1866 ini beberapa kali diubah suai. Pelbagai koleksi diraja termasuk perabot berukir buatan Perancis dan kerusi makan kristal hasil dari Jepun.

Selain itu, pengunjung pasti tertarik dengan lukisan cat minyak sultan dengan motosikal kegemaran baginda, artifak dan haiwan awet hasil buruan sultan terdahulu.

Walaupun bertukar fungsi bagi memenuhi peredaran masa, ia masih digunakan untuk beberapa upacara rasmi.

Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan adalah antara pejabat kerajaan tercantik yang pernah dibina di negara ini. Keunikannya terletak pada seni bina era kosmopolitan dan gaya Renaissance, dengan sentuhan pengaruh Anglo-Melayu.

Bangunan yang siap sepenuhnya pada 1942 ini membuktikan Johor antara negeri terawal yang meniru model pentadbiran British.

Masjid Sultan Abu Bakar yang siap sepenuhnya pada 1900 menjadi satu lagi destinasi

mesti kunjung apabila bersiar di Johor Bahru. Seni bina "Moorish" dan pengaruh Victoria yang kuat memberi gaya klasik kepada bangunan ini.

Makam Diraja di Jalan Mahmudiah berdekatan Kampung Mahmudiah dan Hyatt Regency Johor Bahru pula menjadi tanah perkuburan untuk keluarga diraja Johor.

Dari jauh, kelihatan seni bina makam ini yang unik dengan persekitaran yang aman dan tenang. Tidak keterlaluan dikatakan ia antara kawasan makam tercantik yang sentiasa dipelihara dengan baik.

> Info

TARIKAN SEMULA JADI

JIKA bangunan bersejarah tidak menarik minat, Zoo Johor yang bertentangan dengan Masjid Sultan Abu Bakar amat popular di kalangan pengunjung dari seberang tambak Johor.

Manakala untuk mereka yang gemarkan kehijauan, boleh berkunjung ke Air Terjun Kota Tinggi yang sudah lama mendapat reputasi sebagai destinasi berlibur hujung minggu di kalangan warga tempatan.

Air yang mengalir dari ketinggian 34 meter ini mengalir dari mata air di Gunung Panti.

Berikutan popularitinya, ada kemudahan penginapan bajet bagi memenuhi kebanjiran pengunjung terutama pada hujung minggu.

TARIKAN LAIN

* Muzium Nanas, kilometer 52, Jalan Pontian

Pengunjung berpeluang melihat lebih dekat cara penanaman dan mencuba sendiri hasil produk keluaran tempatan. Ada lebih 18 jenis nanas boleh dilihat termasuk nanas madu dan nanas bunga IPRS.

* Muzium Bugis, Pontian

Muzium mempamerkan lebih 1,500 koleksi dan artifak lama Bugis. Muzium di laluan utama Kukup ini mempamerkan jenis mata wang lama, setem tembikar, botol dan pakaian berusia lebih 100 tahun.

Selain melihat koleksi pakaian dan artifak, pengunjung ke muzium yang berusia 24 tahun berkenaan dapat melihat keajaiban kelewang Bugis yang boleh berdiri dengan sendirinya tanpa dipegang.

* Taman Negara Tanjung Piai

Diiktiraf sebagai titik paling selatan Asia, ia juga menjadi destinasi ideal untuk mereka yang kaki pancing di kelong berdekatan.

Pengunjung boleh memilih untuk tinggal di beberapa hotel bajet di sini.

Mesti cuba di sini adalah makanan laut yang dijual dengan harga jauh lebih murah.

Selain itu, penginapan homestay dengan aktiviti seperti mengunjungi ladang ternakan lebah boleh diaturkan.

MAKAN-MAKAN

Ketua Pengarang GTN, Juhan Kamarudin menyarankan pengunjung yang kali pertama ke sini mencuba mi rebus tulang di ZZ Cafe, Jalan Mariamah.

Sedap Corner berhampiran Hyatt Regency dan Hospital Sultanah Aminah popular untuk masakan Melayu. Warung Saga pula menempatkan pelbagai imej berkaitan sejarah Johor.

Untuk makan malam, anda boleh mencuba hidangan dalam suasana desa di Anjung Warisan, Jalan Pitrie. Kawasan sekitar Danga Bay juga menyediakan pelbagai pilihan restoran.

Beberapa gerai `stimbot' yang murah dan sedap boleh didapati di parkir berhampiran Dataran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Untuk penggemar makanan laut, pandu menghala ke Permas Jaya untuk ke Senibong. Atau menghala ke deretan gerai dengan pelbagai pilihan menu di Stulang Laut yang dibuka hingga awal pagi.

(END)

Headline: Dedah keunikan Johor
Publication: HM
Date of publication: Sep 7, 2006
Section heading: Variasi
Page number: 04
Byline / Author: Oleh Nur Farhana Abdul Manan

TAK kenal maka tak cinta. Begitulah antara kata-kata yang diluahkan peserta rombongan Kementerian Pelancongan bersama media ke beberapa lokasi menarik sekitar Johor.

Program selama empat hari tiga malam ini bertujuan mempromosi tempat menarik yang boleh dilawati pelancong tempatan dan luar negara selain memberi pendedahan dan pendekatan kepada peserta mengenai destinasi tempat dikunjungi.

Pada hari kedua peserta menjejakkan kaki ke negeri yang pernah diberi jolokan pintu masuk Singapura ini, tempat pertama dikunjungi ialah Muzium Di-Raja Sultan Abu Bakar, Bangunan Sultan Ibrahim dan Istana Bukit Serene.

Peserta rombongan berpeluang melihat pelbagai koleksi gambar keturunan Sultan Johor, alat kebesaran, bilik beradu, dewan santapan, hadiah dan cenderahati diterima dari negara luar dan dewan istiadat istana.

Wakil muzium turut memberi penerangan mengenai adat istiadat selain menjelaskan fungsi sesuatu alat yang dipamerkan.

Ada peserta terkejut apabila membaca sejarah nama negeri Johor kerana sebelum ini nama diilhamkan ialah Wurawari (kuasa Siam), Hujung Medini (takluk Majapahit) dan Hujung Tanah.

Selepas mengunjungi istana yang penuh bersejarah, peserta dibawa ke pusat beli-belah terkenal di Johor iaitu City Square bagi meraikan majlis Cuti-cuti Malaysia Travel Fair 2006.

Pelbagai persembahan menarik seperti tarian kuda kepang, zapin dan nyanyian menghiburkan semua hadirin.

Pada petangnya, aktiviti program diteruskan ke Kompleks Budaya Kraf di Jalan Cenderasari, Larkin. Di sini, pengunjung berpeluang membuat kerja mencanting batik di ruang bengkel disediakan.

Hasil kerja kraftangan turut dipamerkan sebagai hiasan dan jualan kepada pengunjung yang berminat.

Pada waktu malam, peserta menikmati makan malam di atas kapal persiaran Danga

Cruise 8 serta dibawa menyusuri Teluk Danga dalam suasana tenang dan mendamaikan.

Pengurus Acara dan Operasi Danga Cruise 8, Donny Lim, berkata pelancong tempatan dan luar negara yang berminat menaiki kapal ini boleh membuat tempahan di kaunter disediakan berhampiran jeti.

"Harga dikenakan untuk memasuki ruang kapal ialah RM20 selain pengunjung berpeluang menempah pakej untuk mengadakan majlis keramaian atau menikmati makan malam di dalamnya.

"Bot laju juga disediakan kepada mereka yang berminat menyusuri sungai selama 20 hingga 25 minit dari jam 10 pagi hingga 7 malam.

Hanya RM10 harga tiket bagi orang dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak bawah 12 tahun," katanya.

Keesokan harinya, peserta rombongan dibawa ke Muzium Nanas yang terletak di kilometer 52, Jalan Pontian untuk melihat dengan lebih dekat cara penanaman dan mencuba sendiri hasil produk keluaran tempatan.

Di situ, ada lebih 18 jenis nanas boleh dilihat termasuk nanas madu, nanas bunga IPRS, nanas Lft India dan lain-lain.

Seterusnya, rombongan bergerak ke Muzium Bugis di Pontian untuk melihat lebih 1,500 koleksi dan artifak lama Bugis.

Muzium di laluan utama Kukup ini mempamerkan jenis mata wang lama, setem tembikar, botol dan pakaian berusia lebih 100 tahun.

Menurut pemilik Muzium Bugis, Abdullah Ahmad, pakaian yang dipamerkan bernilai antara RM3,800 hingga RM6,000.

"Koleksi pakaian ini sangat unik kerana ia boleh dilipat dan disimpan di dalam poket.

"Ia diperbuat daripada songket dan kulit nanas. Pengunjung pasti terpegun dengan kehalusan buatannya," katanya.

Selain melihat koleksi pakaian dan artifak, pengunjung ke muzium yang berusia 24 tahun berkenaan dapat melihat keajaiban kelewang Bugis yang boleh berdiri dengan sendirinya tanpa dipegang.

Menurut Abdullah, dia mendirikan kelewang berkenaan menggunakan kalimah Allah dengan beberapa potongan ayat suci.

Dari Muzium Bugis, rombongan kemudian bergerak ke Taman Negara Tanjung Piai di

Tanah Penghujung Benua Asia.

Pelbagai jenis hidupan boleh ditemui dalam suasana hutan bakau semula jadi selain pengunjung ke taman itu berpeluang melihat lebih dekat bagaimana pokok bakau melindungi alam dengan memerangkap sampah.

Menaiki jambatan yang disediakan bagi mengelilingi taman negara, pengunjung turut berpeluang memerhati burung, melakukan aktiviti perkhemahan dan memancing di jeti berdekatan.

Pengalaman memerhati matahari terbenam juga boleh diperolehi di sini dan ia mungkin akan menjadi satu kenangan manis dalam hidup pengunjung.

Setelah puas meredah hutan bakau, peserta rombongan bergerak ke Resort Tanjung Piai untuk melepaskan penat.

Menginap di resort terapung yang dibina di atas pantai menghadap Selat Melaka, pengunjung boleh menikmati pelbagai kemudahan disediakan seperti karaoke, melihat kapal berlabuh dan keselesaan kemudahan chalet.

Hari terakhir rombongan diisi dengan program melawat ke pusat Industri Kecil Sederhana di Simpang Renggam, Johor.

Pengunjung didedahkan dengan cara pembuatan seramik selain berpeluang mencuba dengan bantuan pengusaha kedai.

Selepas itu, rombongan bergerak ke Kompleks Perusahaan Zainab di mana pelbagai jenis makanan sejuk beku, kek, bahu serta aneka jenis kuih raya dibuat dan dibekalkan.

Menurut pengusahanya, Zainab Mawan, antara makanan yang sering mendapat tempahan ialah kek buah, kek pisang, tat nenas dan makanan ringan.

"Keunikan makanan diproses di sini ialah kami tidak menggunakan minyak dan bahan perisa atau perasa tambahan.

"Kualiti biskut dan kuih dijaga untuk mengekalkan keenakan dan kelazatan makanan," katanya.

Pengunjung turut tidak melepaskan peluang membeli buah tangan dan tidak lupa biskut raya sempena menyambut ketibaan Syawal pada Oktober nanti.

(END)

Headline: Berusia 100 tahun
Publication: HM
Date of publication: Mar 30, 2012
Section heading: Variasi
Page number: 002
Byline / Author: Oleh Abdul Jalil Ishak

MASJID Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor memiliki seni bina mengagumkan malah kedudukannya yang terletak di atas bukit menghadap Selat Tebrau menyerlahkan lagi keistimewaannya.

Dari atas bukit itu juga dapat dilihat kota Singapura yang berada di seberang laut. Masjid berkenaan mula dibina pada zaman kolonial Inggeris di Tanah Melayu.

Atas keunikan dan nilai sejarah yang dimiliki itu ia berjaya menggamit kehadiran pelancong yang datang dari dalam dan luar negara.

Peletakan batu asas dilakukan Sultan Abu Bakar pada 1 Muharam 1310 Hijrah bersamaan 26 Julai 1892 dan ia siap sepenuhnya pada 1900.

Solat Jumaat pertama pula diadakan pada 1 Syawal, 2 Februari 1900. Usia masjid itu kini melebihi 100 tahun namun keaslian seni binanya masih terpelihara.

Selain mengetengahkan seni bina Eropah, masjid itu turut bercirikan seni Timur Tengah dan India selain diserikan lagi dengan kemas hasil seni bina sentuhan idea anak tempatan.

Ia membuktikan jurutera Melayu berkeupayaan membina bangunan hebat dan indah seperti yang terdapat di Eropah dan Timur Tengah.

Jurutera tempatan yang terbabit dengan pembinaan masjid itu ialah Datuk Yahya Awaluddin. Malah lukisan asas masjid itu juga hasil ilham Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar yang menerima pendidikan Inggeris.

Ciri lain yang terdapat pada masjid berkenaan dapat dilihat pada menaranya. Terdapat empat menara setinggi bangunan dua tingkat yang berbentuk bulat di atas, empat persegi di bawah dan berkubah.

Menara berkenaan turut dihiasi lampu yang diimport khas dari Turki sementara batu marmar dari Itali. Bangunan itu cukup jelas menggambarkan ia hasil tinggalan penjajahan kolonial pada kurun ke-19.

Ukiran masjid itu juga dikatakan mempunyai persamaannya dengan ukiran yang terdapat di Masjid Sultan Hassan, Mesir dan Masjid Imam Shafie.

Sementara itu, beranda turut disediakan bagi kemudahan pelawat beristirahat dan meninjau kawasan sekeliling masjid.

Bagi anda yang pernah sampai ke masjid itu pasti dapat merasakan suasana nyaman sepanjang hari disebabkan kedudukannya di atas bukit.

Pelancong juga tidak pernah melepaskan peluang mengabdikan gambar kenangan ketika berkunjung ke masjid bersejarah itu terutamanya ketika matahari mulai terbenam.

Pelbagai kemudahan disediakan di masjid berkenaan termasuk pusat sumber, pejabat pentadbiran, makmal komputer, kawasan rekreasi dan riadah, dewan seminar serta kuliah.

Profil

Imam Besar: Halid Sono

Timbalan Imam Besar: Datuk Mahat Said

Imam 1: Shukri Bachok

Imam 2: Muhammad Afiq

Imam 3: Sallahuddin Nastani

Setiausaha: Muhammad Izuddin Hassan

Bilal 1: Fadhil Noh

Bilal 2: Firdaus Omar

Bilal 3: Mohd Arif Majid

Headline: Serba selesa di bandar raya JB
Publication: HM
Date of publication: May 26, 2011
Section heading: Variasi
Page number: 004
Byline / Author: Oleh Mohamad Fahd Rahmat

TERLETAK di tengah pusat bandar raya Johor Bahru, mata pasti terpesona melihat keindahan bangunan The Puteri Pacific Johor Bahru berhampiran Bangunan Sultan Ibrahim yang menjadi ikon pelancongan popular selatan tanah air.

Sapaan mesra dan senyuman yang tidak lekang daripada penyambut tamu berpakaian segar serta bersongkok sewaktu menjejakkan kaki ke hotel terkemuka ini menjanjikan pengalaman manis sesiapa sahaja yang melangkah masuk.

Terletak hanya 25 minit saja dari Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai, terdapat 464 bilik tetamu, bilik suite dan pangsapuri di hotel ini.

Setiap bilik dilengkapi keperluan untuk keselesaan, kemudahan dan suasana nyaman kepada tetamu di samping kemudahan lain seperti pusat kecergasan, kolam renang, gelanggang tenis dan skuash.

Antara keistimewaan lain di The Puteri Pacific Johor Bahru termasuk 'Executive Floor' di mana ahli perniagaan dan korporat dapat mengadakan urusan perniagaan dengan selesa.

Selain itu, bagi penggemar kecantikan dan terapi Secret Garden Spa adalah lokasi yang patut dikunjungi apabila melangkah kaki ke hotel ini.

Di samping keistimewaan penginapan yang ditawarkan, The Puteri Pacific Johor Bahru mempunyai lima bilik mesyuarat yang boleh memuatkan 10 hingga 120 orang dalam satu masa, manakala dewan 'ballroom' mampu menampung 400 hingga 800 orang.

Kecemerlangan perkhidmatan The Puteri Pacific Johor Bahru membolehkan ia menerima Anugerah Berlian di Majlis Anugerah Pelancongan Johor 2009 anjuran Jabatan Pelancongan Negeri Johor pada 13 Mei 2010.

Jika mahu makan, anda boleh mengunjungi restoran Kai Xuan menyajikan masakan Cina dan Szechuan atau Restoran Paolo menyajikan hidangan Mediterranean dan barat.

Sementara itu, di The Newsroom Cafe, tetamu mempunyai pelbagai pilihan makanan antarabangsa dan tempatan manakala penggemar masakan Melayu boleh berkunjung ke Restoran Selasih yang berkonsepkan masakan asli Johor.

Bagi mereka yang mahukan kelainan dan mencuba hidangan asli Timur Tengah khususnya dari Yaman, Restoran Hadramawt adalah pilihan tepat.

Malah, sepanjang Mei hingga Jun ini restoran Kai Xuan menawarkan promosi itik Peking yang mendapat permintaan tinggi pelanggan.

Pengurus Kanan Jualan The Puteri Pacific Johor Bahru, Wan Saiful Bahri berkata, bersempena sambutan Hari Bapa pada 19 Jun depan, The Newsroom Cafe mengadakan promosi istimewa bufet minum petang dengan tawaran harga serendah RM58++ untuk dewasa dan RM28++ untuk kanak-kanak.

"Bagi meraikan hari bersejarah itu, Restoran Selasih menawarkan promosi hidangan Timur Tengah dengan pilihan sajian termasuk roti pitta, kebab Hussein dan 'Egyptian Lamb Rice.'

"Harga yang ditawarkan sangat berpatutan iaitu bermula serendah RM8++.

"Selain itu, sempena musim cuti sekolah, kami menawarkan pakej bilik istimewa iaitu 1Family Breakaway meliputi tawaran kemudahan Internet, percuma 'Extra Bed', kemudahan penggunaan kelab kecergasan, makan malam istimewa untuk empat orang (dua dewasa, dua kanak-kanak), diskaun makan dan minum serta spa dengan harga serendah RM399 untuk dua hari satu malam," katanya.

Katanya, The Puteri Pacific Johor Bahru di bawah pengurusan Bahagian Hospitaliti Johor Corporation turut memiliki Pusat Konvensyen Antarabangsa Johor (Persada); Sibuland Resort, Mersing; Selesa Beach Resort Port Dickson, Negeri Sembilan; Hotel Selesa di Johor Bahru dan Pasir Gudang.

"Bagi pengunjung yang ingin bercuti di pulau, Sibuland Resort, Johor adalah lokasi tepat.

"Pakej dikenali sebagai 'Rileks dan Santai' bermula serendah RM599 untuk seorang dewasa bagi tiga hari dua malam dan percuma kepada kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun dengan pembelian minimum untuk dua orang dewasa," katanya.

Menurutnya, pakej berkenaan dilengkapi pelbagai tawaran istimewa secara percuma antaranya bersnorkel di Taman Karang, aktiviti riadah, diskaun aktiviti sukan air seperti 'banana boat', 'flying fish' namun semuanya tertakluk kepada terma dan syarat.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi 07-2199999, 07-2225155, 07-2198888 atau lawati laman web, www.puteripacific.com atau www.sibulandresort.com.my.

Sumber : <http://emedia.com.my>

Tarikh Akses : 19 Mac 2013

BANGUNAN SULTAN IBRAHIM SELAMAT DIDUDUKI

Date: 23-05-2007

Author: / YBK YBK HS

Bangunan-Selamat

JOHOR BAHARU, 23 Mei (Bernama) -- Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan, yang merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Johor, adalah selamat untuk diduduki walaupun masih belum mempunyai Sijil Perakuan Bomba.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Perumahan Kerajaan Negeri Johor Datuk Baderi Dasuki hari ini berkata Bangunan Sultan Ibrahim itu mematuhi ciri-ciri keselamatan bangunan dan diluluskan selamat untuk diduduki oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Bangunan ini mempunyai kemudahan yang lengkap untuk menghadapi sebarang kemungkinan seperti kebakaran dan orang ramai tidak perlu bimbang ketika berurusan di sini," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata pihak bomba sendiri memberikan nasihat kepada kerajaan negeri seperti cara mencegah kebakaran dan beberapa ciri keselamatan lain.

Semalam, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor Timbalan Pesuruhjaya Bomba Mohd Yusof Muhammad berkata terdapat 40 bangunan kerajaan negeri Johor termasuk Bangunan Sultan Ibrahim tidak mempunyai Sijil Perakuan Bomba.

Yusof berkata turut tidak mempunyai sijil itu termasuklah bangunan penting seperti Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail dan pejabat Kerajaan Persekutuan di Wisma Persekutuan di sini.

Bangunan Sultan Ibrahim, yang mempunyai reka bentuk sebuah kubu bagi mencerminkan kekukuhan Kerajaan Johor, siap dibina pada penghujung 1941.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata kejadian demam denggi untuk empat bulan pertama tahun ini mencatatkan peningkatan sebanyak 10 kes berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Sebanyak 1,272 kes demam denggi dicatatkan berbanding 1,262 kes tahun lepas, dengan kebanyakan kes denggi ditemui di kawasan bandar yang padat penduduknya, katanya.

Johor mencatat jumlah kes denggi ketiga tertinggi selepas Wilayah Persekutuan dan Selangor.

-- BERNAMA

YBK YBK HS

BANGUNAN SULTAN IBRAHIM DI JOHOR BELUM MOHON SIJIL PERAKUAN BOMBA

Date: 22-05-2007

Author: / PMS SMK DC

Bomba-Perakuan

JOHOR BAHRU, 22 Mei (Bernama) -- Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan di sini yang menempatkan pusat pentadbiran kerajaan negeri merupakan antara 40 bangunan kerajaan dan 22 premis swasta di Johor yang masih belum memohon Sijil Perakuan Bomba.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri, Mohd Yusof Muhammad, berkata selain itu, bangunan Wisma Persekutuan Johor Baharu yang menempatkan pejabat kerajaan juga belum memohon sijil tersebut.

"Mengikut rekod, sejumlah 728 bangunan iaitu 43 bangunan kerajaan dan 685 bangunan swasta diwajibkan untuk memiliki sijil perakuan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Perakuan Bomba 2007 di sini hari ini.

Mohd Yusof berkata semua premis berisiko tinggi di negara ini wajib mendapatkan sijil tersebut berkuatkuasa 1 Ogos 2002 yang mengesahkan tahap keselamatan bangunan berkenaan.

Tujuan pengeluaran sijil itu antara lain memastikan semua premis ditetapkan mempunyai ciri-ciri keselamatan kebakaran yang mencukupi, katanya.

Katanya sembilan jenis bangunan diwajibkan mendapat sijil perakuan itu dengan mengikut saiz keluasan bangunan masing-masing termasuk perpustakaan, hospital, hotel, asrama, pejabat, kedai, kilang, tempat perhimpunan dan kawasan penyimpanan.

Katanya pemilik bangunan yang gagal mendapatkan sijil perakuan tersebut boleh dikenakan denda maksimum RM5,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan, mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

"Kita mensasarkan semua bangunan itu mengemukakan permohonan mereka sebelum akhir tahun ini. Bagaimanapun, kita akan menghantar notis kepada pemilik premis sebelum pemeriksaan dijalankan," katanya.

Beliau berkata pihaknya akan mengadakan sesi penerangan mengenai budaya penyelenggaraan bangunan kepada pihak yang bertanggungjawab pada Julai dan Ogos ini.

-- BERNAMA
PMS SMK DC

Sumber : <http://blis.bernama.com/mainHome.do>

Tarikh Akses : 19 Mac 2013